

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG
(SIBUTI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.03.2015

Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan :-

a. adakah pihak Kerajaan membuat kajian mengenai jumlah penduduk negara yang tidak memiliki akaun simpanan di bank tempatan; dan

b. apakah langkah Kerajaan bagi memastikan majoriti penduduk Malaysia mempunyai sekurang- kurangnya 1 akaun simpanan bank.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Berdasarkan kajian Bank Negara Malaysia (BNM) melalui Kaji Selidik Rangkuman Kewangan serta pemantauan secara tahunan ke atas data yang dikemukakan oleh institusi kewangan dan Lembaga Tabung Haji (LTH) adalah didapati bahawa pada tahun 2014, 18.5 juta atau 92% daripada jumlah warganegara Malaysia yang dewasa iaitu yang berumur 15 tahun dan ke atas yang memiliki akaun simpanan di institusi kewangan di bawah kawal selia BNM dan/atau di LTH.

(b) Bagi memastikan majoriti penduduk Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun simpanan, inisiatif berikut telah dilaksanakan:

1. Semua institusi perbankan dan tiga institusi kewangan pembangunan yang dibenarkan untuk menerima deposit seperti Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) menyediakan perkhidmatan pembukaan akaun kepada segenap masyarakat termasuk penyimpan secara kecil-kecilan dan penyimpan dari luar bandar.

2. Akaun simpanan asas diperkenalkan oleh semua institusi kewangan pada tahun 2004 bagi memudahkan penduduk Malaysia terutama yang berpendapatan rendah membuka akaun dengan jumlah deposit permulaan serendah RM20 dan juga melakukan transaksi perbankan asas pada kos yang minimum. Akaun simpanan ini ditawarkan oleh semua institusi kewangan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia.
3. Perbankan ejen yang mula diperkenalkan sejak tahun 2012 menawarkan perkhidmatan perbankan asas seperti deposit dan pengeluaran wang melalui khidmat pihak ketiga yang turut membantu urusan pembukaan akaun melalui sistem institusi kewangan secara dalam talian dan masa nyata sejak bulan Disember 2014. Dalam tempoh dua bulan (sehingga bulan Februari 2015), sebanyak 2,410 akaun baru telah dibuka melalui rangkaian ejen BSN di seluruh negara.